

Loya bau longkang

Struktur saliran didakwa sempit tak mampu alir sisa kumbahan perumahan berhampiran

MELAKA: Empat keluarga dari Jalan Haji Ikhsan, Kampung Bukit Gadong, Paya Dalam, di sini, mendakwa dibelenggu masalah bau busuk sejak sekian lama.

Penduduk terbabit mendakwa, masalah itu berpunca daripada air berwarna hitam yang mengalir menerusi saluran longkang berhampiran kediaman mereka.

Penduduk, Sarkam Ikhsan, 75, berkata masalah itu bermula sejak wujudnya sebuah taman perumahan di kawasan berdekatan.

Menurutnya, sisa kumbahan dari kawasan tinggi berhampiran kampung itu mengalir di dalam saluran longkang berkenaan sekali gus mengakibatkan pencemaran bau.

Katanya, ia berikutan struktur longkang yang sempit dan tidak dinaik taraf bagi melancarkan aliran air.

“Lebih memburukkan keadaan apabila semua kumbahan dari kawasan tinggi mengalir ke bahagian bawah menerusi saluran longkang tanah berhampiran rumah kami.

“Paling teruk terjejas ada-



BUSUK...penduduk menunjukkan air longkang yang meloyakan di Jalan Haji Ikhsan, Kampung Bukit Gadong.

lah saya sekeluarga kerana rumah terletak di tepi longkang sehingga terpaksa menghidu bau busuk setiap

hari,” katanya.

Menurut Sarkam, dia kesal apabila kebanyakan longkang di kampung berkenaan

dinaik taraf menggunakan konkrit, namun sebaliknya berlaku pada longkang di sebelah rumahnya.

Katanya, longkang sempit sepanjang kira-kira satu kilometer (km) itu bukan hanya mengeluarkan bau busuk, bahkan sebahagiannya dipenuhi semak samun yang dikhuatiri menjadi sarang binatang berbisa dan tempat pembiakan nyamuk.

“Keadaan bertambah teruk setiap kali hujan kerana baunya lebih busuk daripada hari biasa,” katanya.

Isterinya, Fatimah Jalil, 68, berkata, keadaan bau busuk yang boleh dihidu ketika berada di dalam rumah juga menimbulkan rasa tidak senang pada tetamu.

Katanya, bagi mengelakkan terus menghidu bau meloyakan itu, penduduk sentiasa menutup tingkap dan pintu.

Seorang lagi penduduk, Ahmad Arsad, 74, berkata aduan pernah dibuat kepada pihak bertanggungjawab, na-

mun tiada tindakan diambil.

“Bagaimanapun, kami harap pihak berkenaan memberi perhatian sewajarnya terhadap masalah dihadapi sekian lama dan segera menaik taraf sistem perparitan di kawasan ini supaya kami dapat tinggal lebih selesa,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Gapar Asan, ketika dihubungi berkata, pihaknya melantik kontraktor bagi melaksanakan kerja pembersihan pada saluran parit berkenaan.

“JPS hanya melaksanakan kerja pembersihan dan penyelenggaraan tahunan saja dan ia juga berdasarkan pada keperluan.

“Sekiranya parit berkenaan mahu dinaik taraf pihak tertentu perlu memohon peruntukan pada pihak berkuasa tempatan (PBT),” katanya.